

## PANDUAN TUNTUTAN ELAUN PERPINDAHAN RUMAH

### RUJUKAN

1. Perintah Am Bab B – Elaun-elaun dalam Perkhidmatan

### TUJUAN

2. Panduan ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang pegawai di Universiti Malaysia Pahang menuntut Elaun Perpindahan Rumah.

### SYARAT

3. Pegawai yang layak dibayar tuntutan ini adalah seperti berikut:
  - a) Pegawai yang berpindah masuk dari rumah sendiri / rumah sewa ke rumah Universiti atau sebaliknya **atas arahan pihak pengurusan.**
  - b) Pegawai yang berpindah ke rumah yang **dibeli melalui Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan dengan syarat pegawai mendiami rumah tersebut.**

### TEMPOH

4. Tuntutan ini hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada tempoh 3 bulan selepas tarikh perpindahan dilakukan.

### KADAR

GRED JAWATAN	BAYARAN TETAP	
	BUJANG (RM)	KELUARGA (RM)
<b>Kumpulan Pengurusan Tertinggi / Pengurusan dan Profesional (A)</b>		
Gred Utama / Khas 'A' dan ke atas	740.00	2136.00
Gred Utama 'B' dan 'C'	612.00	1699.00
Gred 53 dan 54	528.00	1378.00
Gred 45 hingga 52	464.00	1159.00
Gred 41 hingga 44	420.00	1042.00
<b>Kumpulan Sokongan (B)</b>		
Gred 31 hingga 40	377.00	924.00
Gred 27 hingga 30	337.00	826.00
<b>Kumpulan Sokongan (C)</b>		
Gred 21 hingga 26	299.00	739.00
Gred 17 hingga 20	278.00	671.00
<b>Kumpulan Sokongan (D)</b>		
Gred 13 hingga 16	251.00	601.00
Gred 1 hingga 12	212.00	503.00

## CARA MEMOHON

5. Permohonan Tuntutan Elaun Perpindahan Rumah adalah seperti berikut;
  - i. Isikan permohonan melalui ECOMM > *Staff Management* > Tuntutan Perpindahan Rumah.
  - ii. Klik '*Apply*' dan masukkan tarikh perpindahan dilakukan, alamat rumah lama serta alamat rumah baru. Kemudian klik 'save'.
  - iii. Jika ada perubahan maklumat, klik kemaskini dan klik 'submit' jika permohonan telah lengkap.
  - iv. Cetak permohonan dan dapatkan pengesahan Ketua Jabatan.
  - v. Kemukakan permohonan bersama dokumen sokongan kepada Unit Perkhidmatan, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang.
  
6. Sila sertakan bersama satu (1) salinan dokumen berikut;
  - (a) Surat arahan berpindah untuk ke Rumah Kerajaan atau sebaliknya;
  - (b) Surat kelulusan Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan;
  - (c) Sijil kelayakan menduduki bangunan (CFO)
  - (d) Sijil Perkahwinan / Surat Nikah (untuk tuntutan berkeluarga)